

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 16

## Elak keciciran



PADU membolehkan kerajaan beralih daripada konsep B40, M40 dan T20 tetapi lebih melihat kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

## ELAK KECICIRAN!

*Padu bantu kerajaan ukur kedudukan sosioekonomi rakyat*

Putrajaya

Pelaksanaan sistem Pangkalan Data Utama (Padu) yang berdasarkan kepada pendapatan boleh guna bersih dapat membantu kerajaan menyediakan pengaliran kedudukan sosioekonomi rakyat dengan lebih tepat serta mengelakkan keciciran.

Menyebut Menteri Ekonomi Rafizi bin Ramli berkata, kaedah pengukuran ini mengambil kira jumlah tanggungan dan bilangan isi rumah, kos sara hidup mengikut lokasi, jarak ke tempat kerja serta pemilikan aset seperti rumah, kenderaan dan tanah.

"Pendekatan ini juga membolehkan kerajaan beralih daripada konsep B40, M40 dan T20 tetapi lebih melihat kepada kewajaran pemberian bantuan berdasarkan kriteria yang ditetapkan," katanya.

dalam ucapan beliau pada majlis pelancaran Padu, di sini, semalam.

Rafizi berkata pembaharuan Padu merupakan sebahagian daripada usaha ke arah 'Govtech' (teknologi kerajaan) melalui penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan 'hampir masa nyata' yang membolehkan analitik data dihasilkan dengan lebih tepat.

"Padu juga menyokong tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam Govtech, iaitu perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit.

"Ketersediaan Padu akan membantu pengaliran dasar dan proses pembuatan dasar berpandukan data," katanya.

Menurutnya, Padu me-

rangkumi profil individu yang mengandungi maklumat asas demografi, alamat, pendidikan, isi rumah, pekerjaan, pendapatan, komitmen dan bantuan yang diterima, dan sebahagian daripada data ini telah dibekalkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi yang diintegrasikan ke dalam Padu.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian dan agensi yang sudah membekalkan maklumat serta data dan berharap semoga lebih banyak Kementerian dan agensi memberikan kerjasama dalam membekalkan maklumat dan data kepada Padu pada masa hadapan," katanya.

Walaupun pelbagai maklumat telah diintegrasikan ke dalam sistem Padu, Rafizi berkata masih terdapat maklumat yang perlu dikemaskini oleh setiap in-

dividu yang melibatkan 99 variabel.

Pengemaskinian oleh individu itu sendiri akan dapat menjamin kesahihan maklumat dan data serta menggambarkan status terkini rakyat dalam Padu yang akan dapat menambah baik mekanisme penentuan kumpulan sasaran, memperkemas saluran penyampaian dan membolehkan pelaksanaan program yang lebih berkesan, katanya.

Sementara itu, Ketua Perangkaan Malaysia (DOSM) Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, keberhasilan Padu bergantung kepada ketelusan data yang diperolehi daripada rakyat yang mendaftar.

"(Justeru), saya mengesyorkan kepada semua untuk memberikan data yang sebenar semasa membuat pendaftaran dan verifikasi," katanya.